

16/01/2002

Dividen Tabung Haji bawah 5 peratus

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Dividen Tabung Haji yang akan dibayar kepada pendepositnya tahun ini dijangka kurang daripada lima peratus.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Zainol Mahmood berkata, pihaknya terpaksa membayar dividen tahun lalu itu pada kadar yang rendah kerana kedudukan ekonomi semasa.

"Kita terpaksa membayar rendah daripada lima peratus kerana masa ini memang susah sikit.

"Kita akui antara faktornya adalah kerana kedudukan ekonomi yang tidak menentu dan pelaburan (Tabung Haji) dalam kajian semula oleh panel pengurusan yang baru dilantik," katanya selepas menghadiri majlis penyampaian bantuan persekolahan kepada Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan di Bangunan Tabung Haji di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyampaikan sumbangan itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dijangka mengumumkan pemberian dividen itu bulan depan. Tahun lalu, agensi itu membayar dividen sebanyak 5.5 peratus. Pada 1999, kadar dividen Tabung Haji ialah lapan peratus.

Zainol berkata, pendeposit tidak perlu bimbang akan kejatuhan kadar dividen kerana panel pengurusan baru Tabung Haji sedang berusaha memulih semula segala kerugian yang ditanggung agensi itu.

"Kita ada panel pengurusan baru. Mereka semua dari kalangan profesional yang tahu macam mana nak kembalikan dan naikkan peluang perniagaan Tabung Haji.

"Kita kena bagi masa dulu sebab mereka baru dilantik. Bagi masa untuk kita naikkan semula peluang pelaburan baru dan kembalikan keuntungan Tabung Haji," katanya.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan pelantikan Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Bhd, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail sebagai pengerusi panel pelaburan Tabung Haji, pada 1 September lalu.

Selepas itu, lapan lagi anggota panel dilantik termasuk Ketua Eksekutif baru, Mohd Bakke Salleh dari Danaharta Nasional Berhad.

Penubuhan panel berkenaan adalah ekoran kerugian yang dialami Tabung Haji menerusi pelaburan di dalam dan luar negara.

Ditanya sama ada pembayaran dividen rendah disebabkan kehilangan wang daripada akaun pendepositnya, Zainol menegaskan perkara itu tidak ada kaitan langsung.

Tahun lalu, Tabung Haji dikejutkan dengan kejadian kehilangan wang sejumlah lebih RM9 juta dari akaun pendepositnya, yang dipercayai berlaku secara sindiket.

(END)